
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HGF 121 – GEOGRAFI FIZIKAL

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab SATU soalan daripada setiap Bahagian.

Bahagian A

1. [a] Huraikan dengan terperinci pola taburan bahangan dunia.
[10 markah]
- [b] Jelaskan bagaimana keadaan keseimbangan tenaga dalam sistem bumi-atmosfera boleh dicapai.
[15 markah]
2. [a] Huraikan fungsi-fungsi utama atmosfera.
[10 markah]
- [b] Huraikan bentuk dan proses kerpasan.
[15 markah]

Bahagian B

3. [a] Jelaskan pertalian antara halaju aliran dan proses-proses yang berlaku di dalam alur sungai.
[10 markah]
- [b] Huraikan kaedah-kaedah pengangkutan dan hakisan sungai dari bahagian hulu hingga ke hilir lembangan saliran.
[15 markah]
4. Jadual 1 menunjukkan data keratan rentas bagi Sungai Relau.

Jadual 1: Data keratan rentas Sungai Relau

Jarak (meter)	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Kedalaman (meter)	0	0.4	1.2	1.6	1.8	1.7	1.4	0.8	0.6	0

- [a] Plotkan keratan rentas Sungai Relau dengan menggunakan data dalam Jadual 1.
[5 markah]

[i] Kira luahan sungai pada kedalaman air 0.8 meter pada jarak 4 meter.

[5 markah]

[ii] Kira luahan sungai pada kedalaman air maksimum.

[5 markah]

[b] Huraikan dapatan anda dengan merujuk kepada pertalian antara jejari hidraulik dengan kecekapan sungai.

[10 markah]

Bahagian C

5. Bincang bagaimana masalah populasi manusia yang semakin meningkat memberi kesan kepada sumber semulajadi perikanan dalam konteks geografi fizikal.

[25 markah]

6. Bincangkan mengapa kitaran biogeokimia merupakan komponen yang sangat penting dalam sistem bumi dan proses penghidupan.

[25 markah]

Bahagian D

7. Bincangkan bagaimana fenomena El Niño dan La Niña mempengaruhi pembentukan landskap bumi.

[25 markah]

8. Bincangkan peranan fosil di dalam teori yang berkaitan dengan plat tektonik.

[25 markah]